

# 79 inisiatif dan peraturan baharu

## Menanti rakyat pada tahun 2020


**S**ejumlah 79 inisiatif dan peraturan baharu bakal dikuatkuasakan kerajaan Pakatan Harapan (PH) serta dinikmati rakyat Malaysia sepanjang tahun 2020 kelak.

Jumlah itu merangkumi pelbagai inisiatif yang diumumkan kerajaan melalui pembentangan Belanjawan 2020, selain beberapa inisiatif atau undang-undang baharu berasingan diuar-uar pelbagai kementerian untuk dilaksanakan bagi membantu mensejahteraan rakyat.

Menjelang 1 Januari tahun 2020, tumpuan rakyat pastinya terarah kepada pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang mencetuskan pelbagai reaksi dan polemik dalam kalangan rakyat.

Langkah kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memperkenalkan PSP bagi menggantikan sistem subsidi petrol secara pukal.

Sejumlah 2.86 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan 1,600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1,600cc yang



berjangka hayat 10 tahun dan ke atas layak menerima PSP.

Bagi kategori motosikal yang layak ialah motosikal 150cc dan ke bawah dan motosikal melebihi 150cc yang berusia tujuh tahun dan ke atas.

Kadar subsidi ialah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal.

Harga petrol RON95 dan diesel akan diapungkan dan diselaraskan secara beransur-ansur berdasarkan mekanisme harga automatik (APM) secara berperingkat.

Program subsidi petrol ini akan menyalurkan bantuan tunai yang akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali, membabitkan tanggungan subsidi sebanyak RM65.4 juta sebulan.

Untuk penduduk Sabah, Sarawak dan Labuan harga petrol RON95 kekal RM2.08, sekali gus tiada keperluan menerima PSP.

Bagi mereka yang bukan penerima BSH dan termasuk dalam kategori B40 pula, program KAD95 akan dilaksanakan secara berperingkat pada suku pertama tahun 2020.